

Edisi Kedua 2024

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Suara

MITASA

Bengkel e-TUIS,
bantu kesatuan
lebih efisien

Risiko psikososial
tempat kerja:
ke arah menjadikan UiTM
sebagai majikan yang
sihat dan selamat

Usah aniaya anak buah,
jawatan adalah amanah
dan keadilan

Kenapa Susahnya
Nak Naik Pangkat?

PTM beri pendedahan
kepada pensyarah baharu

Insentif Kecemerlangan
SPM terus bantu anak
ahli MITASA

ISSN 3083-6116



9 773063 611009

Permulaan yang sempurna

Menyesuaikan Teknologi Pengajaran dengan Gaya Belajar: Kunci untuk Penguasaan Pelajar

Dr Fatin Nabilah Ab Wahid

Pensyarah Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Dalam dunia pendidikan yang semakin maju, teknologi pengajaran memainkan peranan yang semakin penting untuk membantu pelajar mencapai kejayaan. Namun, satu aspek penting yang sering diabaikan adalah bagaimana teknologi ini disesuaikan dengan gaya belajar pelajar. Penyesuaian ini bukan sahaja dapat meningkatkan minat pelajar tetapi juga meningkatkan penguasaan mereka terhadap bahan pembelajaran. Setiap pelajar mempunyai gaya belajar yang berbeza dan beberapa gaya belajar utama yang dikenali, termasuk gaya visual, auditori dan kinestetik.

Gaya visual memerlukan pelajar melihat imej dan grafik untuk memahami konsep, manakala gaya auditori lebih bergantung pada mendengar dan perbincangan. Bagi pelajar dengan gaya kinestetik, mereka lebih suka bergerak dan berinteraksi secara fizikal dengan bahan pembelajaran. Maka dengan kepelbagaian teknologi mampu menyokong setiap gaya belajar dan minat pelajar terhadap bahan pembelajaran.

Teknologi pengajaran yang disesuaikan dengan gaya belajar pelajar dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka. Teknologi seperti video pendidikan, infografik, dan alat pembentangan seperti PowerPoint atau Prezi adalah sangat berguna. Pelajar visual boleh mendapatkan maklumat dengan cara yang menarik dan mudah diingati melalui gambar dan grafik. Aplikasi seperti Google Slides, Canva dan beberapa pembangunan bahan menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) membolehkan pensyarah mencipta bahan visual yang menarik untuk meningkatkan pemahaman pelajar. Manakala bagi pelajar gaya auditori adalah pelajar yang lebih suka mendengar, podcast pendidikan, audiobooks, dan perbincangan dalam talian.

Alat seperti Microsoft Teams, Zoom Facebook live dan YouTube live untuk sesi perbincangan dan webinar mampu memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar auditori. Bagi pelajar kinestetik teknologi seperti simulasi interaktif, permainan pendidikan, dan aplikasi pembelajaran berasaskan AR/VR (Augmented Reality/ Realiti Maya) memberikan peluang kepada pelajar kinestetik untuk berinteraksi secara fizikal dengan bahan pembelajaran. Contohnya, aplikasi seperti Google Expeditions membolehkan pelajar mengalami perjalanan maya yang meningkatkan pemahaman mereka melalui interaksi langsung.

Oleh itu, bagi memastikan rekabentuk bahan teknologi pembelajaran sesuai dengan pelajar, langkah pertama yang perlu dilakukan oleh pensyarah adalah menganalisis gaya belajar pelajar. Tujuan analisis ini bagi membantu pensyarah memahami cara terbaik untuk menyampaikan maklumat kepada setiap pelajar. Pensyarah boleh menggunakan ujian gaya belajar atau kaji selidik untuk memahami keutamaan pelajar. Dengan memahami gaya belajar, pensyarah boleh mereka bentuk bahan pembelajaran yang sesuai dengan gaya pelajar. Selain itu, pelajar boleh mengambil tanggungjawab yang lebih besar dalam pembelajaran mereka. Mereka boleh memilih strategi pembelajaran yang paling berkesan untuk diri mereka sendiri, di samping dapat menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Dengan memahami dan menggunakan teknologi secara strategik, pensyarah dapat memastikan bahawa setiap pelajar mempunyai peluang yang sama untuk berjaya. Pendidikan yang disesuaikan dengan pelajar secara individu bukan sahaja membantu dalam penguasaan akademik tetapi juga memupuk kecintaan terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Kemaskini Keahlian



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



**Nadra Sharfina
Ab Rahman**
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130